ASAS-ASAS AKHLAK

BAGI

HARAKAH ISLAMIAH

Oleh: Abul A'la Al-Maududi

Matlamat asasi perjuangan ialah *“Ahdas Inqilab fil Qiyadah”* (melakukan Reformasi Kepimpinan) ataupun dalam erti kata Iain membersihkan bumi ini daripada kepimpinan yang tidak baik, penuh kezaliman dan penindasan lalu digantikan dengan kepimpinan yang baik dan soleh.
Manusia keseluruhannya - termasuk Muslim itu sendiri - lupa kepada matlamat tersebut bagi kebanyakkan Muslim, mereka hanya melihatnya sebagai strategi politik dan lupa kepentingan serta kedudukannya didalam agama Sementara golongan bukan Islam -dengan mengambil kira sikap negatif dan bencinya mereka terhadap Islam - seakan tidak menyedari bahawa semua kerosakan serta bencana yang menimpa manusia sebenamya adalah kesan dan tangan-tangan kepinpinan yang buruk. Sedangkan kebahagiaan serta kesejahteraan hanya akan dirasai apabila duma ini dipimpin oleh pimpinan yang soleh lagi adil!
Jika kita ingin melihat perubahan ini, maka adalah tidak memadai jika kita hanya sekadar menyeru kepada kebaikan ataupun rnengajak ke arah akhlak yang baik Sebaliknya kita hendaklah menghimpunkan anasir-anasir soleh sehingga menjadi sebuah ketumbukan yang benar-benar mantap dan mampu merampas tampuk kepimpinan dunia.

Kepentingan Tampuk Pimpinan
Semua orang tahu bahawa kesejahteraan atau kemusnahan manusia adalah bergantung kepada siapa yang memimpin lihat sahaja keretapi; arah perjalanannya ditentukan oleh lokomotif. Para penumpang di dalam gerabak seakan tidak ada pilihan lain kecuali akur dengan arah yang dibawa oleh lokomotif.

Kepimpinan yang Baik	Kepimpinan yang Fasad
• Kebaikan akan berkembang biak dengan suburnya. • Kejahatan tidak lagi berkembang kalaupun tidak musnah secara total.	• Kefasadan dan kejahatan akan bermaharajalela (Faudho) keserabutan dalam setiap urusan kehidupan • Sukar untuk melakukan kebaikan e.g Bayangkan betapa susah kita hendak ke arah kanan jika semua orang ke kiri • Sebagai contoh : India yang rosak disebakan oleh kepimpinan Manusia mengikut agama raja-raja mereka

Matlamat Utama Islam Ialah Mendirikan Sistem Kepimpinan yang Soleh
Perkara pertama yang dituntut oleh Islam ke atas manusia ialah meletakkan sepenuh ubudiah kepada Allah. Perkara seterusnya ialah akur dan tunduk kepada peraturan yang telah digariskan oleh Allah dan RasulNya. Kemudian Islam mewajibkan umatnya supaya menghapuskan kefasadan di atas mukabumi sehingga ke akar umbinya. Semua ini hanya akan tercapai melalui kepimpinan yang baik.
Kewajipan seseorang yang beriman itu tidak hanya terbatas sekadar berusaha semampunya untuk hidup secara Islam, bahkan menuntutnya untuk mencurahkan segenap usaha dan tenaganya untuk merampas tampuk kepimpinan daripada golongan kafir lagi zalim. Kalaulah usaha ini tidak mampu dicapai kecuali secara berjamaah maka wujudnya jamaah yang berjuang ke arah itu adalah satu kewajipan. Demi Allah, kalaulah di atas muka bumi ini hanya ada seorang sahaja yang beriman, maka tidak harus baginya untuk tunduk dengan kebatilan walau

dengan apa sahaja cara sekalipun. Tiada pilihan melainkan menyeru semua manusia kepada manhaj yang diredhaiNya.

Jika ada yang menyahut seruannya itu	Dia hendaklah menyusun mereka sehingga menjadi satu ketumbukan yang bukan sahaja mantap malah sanggup mencurahkan segenap tenaga secara kolektif untuk mencapai madamat reformasi kepimpinan.
Jika tiada yang menyahut seruannya	Tiada pilihan melainkan terus istiqamah di jalan Allah dan terus menyeru manusia sehingga maut datang mengundang.

Rajah II: Kewajipan orang yang beriman

Sunnah Allah Mengenai Imamah (Kepimpinan) Di Atas Mukabumi

Alam ini berjalan menurut aturan (sunnah) yang telah ditentukan oleh Allah. Setiap matlamat hanya akan tercapai dengan memenuhi syarat yang ditentukan oleh sunnah tersebut. Niat yang baik sahaja tidak memadai. Seorang peladang misalnya tidak akan mendapat hasil yang baik sekadar berniat baik atau banyak berzikir tanpa memenuhi syarat sunnah tersebut untuk menghasilkan tanaman yang baik.

Begitulah juga halnya dengan hasrat untuk melihat perubahan kepimpinan yang tidak akan tercapai kalau hanya sekadar berdoa ataupun berangan-angan.

MANUSIA	
Unsur biologi dan semulajadi yang tertakluk dengan sunnah (undang-undang) sepertimana semua jenis hidupan dan haiwan. Ia dikuasai bukan menguasai.	Unsur akhlak TIDAK tertakluk dengan biologi ataupun semulajadi sebaliknya dikuasai sepenuhnya oleh diri manusia. Ia menguasai dan bukan dikuasai.

Akhlak Penentu Maju Mundurnya Manusia

Kedua-dua unsur di atas merupakan penenti kepada maju mundurnya manusia. Namun kekuatan akhlak adalah kekuatan yang paling utama. Bahkan ia merupakan antara sebab mengapa manusia itu dianggap istimewa berbanding makhluk yang lain. Akhlak terbahagi kepada dua:

AKHLAK	
Insaniah Asasiah Iaitu sifat-sifat yang menjadi asas kewujudan manusia pada aspek akhlaknya. Meliputi semua sifat yang diperlukan untuk kejayaan manusia di dunia sama ada untuk kerja-kerja uang baik ataupun sebaliknya. Eg: Kehendak yang tinggi, sabar, thabat, tekun, berani, proaktif, sedia berkorban, bijak dalam beberapa sudut termasuk menilai, mengurus, mengawal diri serta mempengaruhi orang lain. Disamping beberapa sifat asasi lain (walau dengan kadar yang sedikit) seperti belas kasihan, berjiwa lapang, jujur, amanah, setia janji, seimbang dsbnya. Ia adalah aset utama bagi mana-mana kelompok manusia. Namun aset tersebut tidak mampu untuk menjadi kekuatan dalam bentuknya yang kolektif melainkan jika setiap ahli dalam kelompok itu mempunyai objektif yang sama dan sanggup pula untuk melakukan apa sahaja demi mencapai objektif tersebut tidak kira sama ada sebagai pemimpin mahupun sebagai pengikut. Kejayaan dakwah Nabi antara lain adalah kerana dokongan mereka yang benar-benar memiliki akhlak asasiah insaniah di kalangan penduduk Tanah Arab. Baginda telah memanfaatkan seluruh aset yang ada pada mereka itu ke arah kebaikan sebagimana disebutkan dalam hadis: Dari Abu Hurairah bahawa Nabi saw bersabda: *"Manusia umpama lombong emas dan perak, **siapa yang terbaik di zaman Jahiliah adalah terbaik di zaman Islam, jika dia memahami**". (riwayat Muslim)*	**Islamiah** Ia hanyalah pelengkap kepada akhlak asasiah Insaniah. Apabila Islam datang, ia telah meletakkan akhlak Insaniah itu di posisinya yang tepat iaitu ke arah kebaikan tidak seperti sebelumnya yang hanya melihat akhlak itu sebagai kekuatan yang mutlak (boleh diguna pakai sama ada untuk kebaikan ataupun kejahatan). eg: Beza kegunaan pedang kepada penyamun dan mujahid. Ini sangat bertepatan dengan intipati seuran tauhid iaitu meletakkan setiap perbuatan manusia itu hanya untuk Allah dan di dalam lingkungan batasan ajaranNya. Islam juga telah memperkukuhkan standard akhlak asasiah itu tadi di samping meluaskan lagi skop perlaksanaannya ke satu tahap yang sangat luas. Sebagai contoh sifat sabar. Walau macam mana tinggi kesabaran seseorang, ia pasti akan "habis" terutamanya jika ia hanya bersumberkan ideologi ciptaan manusia. Akan tetapi jika kesabaran itu bersumberkan tauhid, maka sudah tentu ia tidak akan "habis". Tambahan pula kesabaran orang bukan Islam itu hanya pada skopnya yang sempit. Kalaupun ia bersabar untuk mengharungi peperangan, namun jiwanya itu tidak mampu bersabar terhadap tuntutan nafsu dan jiwanya. Ini jelas berbeza dengan sabar dalam Islam yang ternyata lebih luas dan mencakupi seluruh kehidupan. Islam juga melihat akhlak asasiah insaniah itu sebagai asas pertama bagi sesebuah binaan. Ia kemudiannya akan diikuti oleh akhlak Islamiah dan begitulah seterusnya sehingga dapat membawa manusia ke kemuncak kemuliaan dan kesempurnaan: hati dihiasi dengan takwa dan wara. Aspek ini tidak terbatas kepada individu, malah menyeluruh kepaa semua manusia. Merekalah pemegang kunci segala kebaikan dan penutup segala kejahatan. Pendek kata hidup mereka cukup positif dan membina. Apabila lahir satu kelompok yang benar-benar mempraktikan perkara tersebut dalam kehidupan, maka tidak ada suatu kuasa di dunia ini yang mampu menandinginya!

Sunnah Allah Mengenai Kepimpinan

KEADAAN	SUNNAH
jika tidak ada kelompok manusia yang bersifat dengan akhlak Asasiah Insaniah ataupun akhlak Islamiah, Mereka hanya menggunakan kekuatan material ataupun mengambil asbab semata-mata	Kepimpinan dunia menjadi milik kelompok yang paling terkehadapan akhlak Insaiah dan juga kekuatan materialnya.
Kelompok yang memiliki akhlak Asasiah Insamah dan Islamiah disamping mengambil sepenuhnya asbab dan kekuatan material	Kepimpinan dunia akan menjadi miliknya

Rajah HI: Kepimpinan dan Sunnah Allah

Beza Antara Kekuatan Akhlak Asasiah dan Akhlak Islamiah
Allah telah menentukan SunnahNya mengenai keseimbangan antara kekuatan material dan kekuatan akhlak.

1	Tampuk kuasa akan dipegang oleh kelompok yang paling banyak memiliki kekuatan material walaupun hanya mempunyai sedikit kekuatan akhlak asasinya.
2	Kelompok lain yang hanya memiliki akhlak asasi sedangkan agak terkebelakang dalam kekuatan meterialnya, maka dia tidak akan berpeluang memegang tampuk kuasa
3	Kelompok yang mempunyai kekuatan akhlak (asasiah dan islamiah) dan juga kekuatan material, maka ia pasti akan menang ke atas kelompok yang honys memiliki kekuatan akhlak asasiah dan juga kekuatan material.[Rujuk al Anfal: 65)

Rajah IV: Antara Akhlak asasi dan Islami

Jika akhlak asasiah memerlukan sebanyak 100 kekuatan meterial, maka paduan antara akhlak asasiah dan akhlak islamiah hanya memerlukan sebanyak 25. Dan baki 75 itu lagi akan disempurnakan oleh akhlak Islamiah. Firman Allah:

ۚ إِن يَكُن مِّنكُمْ عِشْرُونَ صَٰبِرُونَ يَغْلِبُوا۟ مِا۟ئَتَيْنِ ۚ وَإِن يَكُن مِّنكُم مِّا۟ئَةٌ يَغْلِبُوٓا۟ أَلْفًا مِّنَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُونَ ﴿٦٥﴾

jika ada di antara kamu dua puluh Yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh Yang kafir itu); dan jika ada di antara kamu seratus orang, nescaya mereka dapat menewaskan seribu orang dari golongan Yang kafir, disebabkan mereka (yang kafir itu) orang-orang Yang tidak mengerti. (Anfal:65)

Ia bukan semata-mata mukjizat mahupun karamat, akan tetapi ia adalah sesuatu yang thabit berdasarkan Qanun sebab dan musabbab

Mana-mana bangsa yang membina kemajuan mereka berdasarkan kekuatan akhlak asasiah dan juga kekuatan material semata-mata, maka keadaan mereka itu ada DUA keadaan;

1	Tenggelam dengan semangat kebangsaan yang diiringi keinginan untuk mengeksploitasi dunia demi kepentingannya eg:Jerman, Amerika Syarikat dll	Ianya boleh dicapai jika memiliki kekuatan material yang mencukupi bagi menghadapi serangan balas negara-negara sasaran.
2	Menjadi pengibar panji ideologi tertentu dan mengajak manusia lain mengtkutinya Eg: Komunisme yang ditaja oleh Russia	Perlukan sedikit kekuatan material berbanding yang pertama, namun ia juga bukannya suatu yang mudah untuk dicapai

Rajah V: Dua Fenomena

Kemajuan yang diasaskan oleh kekuatan akhlak asasiah dan metenal hanya akan tertumpu kepada kepentingan individu, kelompok ataupun bangsa tertentu. lihat sahaja dasar luar negara yang diamalkan oleh Amerika, Britain dan juga Russia!

ISLAM

Para pendokongnya tiada kepentingan peribadi, kelompok mahupun bangsa. Apa yang mereka harapkan hanyalah tegaknya saru sistem kehidupan berasaskan pnnsip serta ajaran yang mereka anuti. Mereka cukup berkeyakinan bahawa tidak ada jalan yang boleh membawa kebahagiaan dan kesejahteraan kepada manusia seluruhnya selain dan mengikuti jalan tersebut. Oleh kerana asas kewujudannya bukan berasaskan entiti bangsa ataupun perkauman, maka semua manusia yang benman dengan ajrannya itu boleh menjadi ahli dan mempunyai hak yang sama rata termasuk menjadi pemimptn. Jika ada pihak-pihak tertentu yang menghalang usaha mereka menyebarkan Islam, maka ketika itu akan berlakulah pertembungan. Semakin besar cabarannya, makin semakin tinggi kesabaran para pendokongnya. Tujuan mereka memerangi golongan yang menghalang dakwah itu bukanlah kerana bencikan entiti kaum atau kelompok, sebaliknya kerana benci perbuatan serta kesesatan mereka. Apabiia mereka bersedia untuk menenma Islam, maka secara langsung (aotomatik) mereka menjadi sebahagian daripada umat Islam yang bersaudara! Apa yang menarik ialah pendokong Islam tetap akan memelihara tatasusila serta akhlak meskipin dalam situasi yang cukup kritikal. Apabiia dua pihak bertembung, maka perbezaannya cukup ketara; satu pihak dari kalangan orang yang jiwanya bersih penuh dengan sifat-sifat kemanusiaan yang tinggi sedangkan pihak yang satu lagi jiwanya penuh dengan kekotoran dan kemaksiatan. Apabila orang Islam ini memperolehi kemenangan, mereka akan mengutamakan kemaafan berbanding dendam, belas kasihan berbanding kekejaman dan tawadhu' berbanding keangkuhan. Apa yang sangat menarik perhatian penduduk negara yang kalah itu ialah mereka tidak pernah mendapati pendokong Islam itu meminta-minta wanita, ataupun mencari-cari harta yang disembunyikan ataupun merosakkan sumber ekonomi tanah air mereka. Apa yang mereka utamakan ialah kehormatan penduduk negara tersebut terbela.

Kesimpulan:
Sumber kekuatan yang asasi adalah kekuatan akhlak. Kalaulah di dunia ini ada kelompok yang kukuh tanzimnya, berakhlak dengan akhlak Islamiah dan akhlak asasiah, maka adalah mustahil kepimpinan akan dipegang oleh kelompok selain

mereka. Mana mungkin kepimpinan dunia ini akan berada pada golongan yang bukan sahaja tidak menggunakan asbab material apatahlagi berakhlak dengan akhlak Islamiah dan akhlak asasiah. Berdasarkan sunnah inilah maka golongan kufar dapat terus memegang tampuk dunia, berdasarkan kepada pencapaian kebendaan mereka disamping kekuatan akhlak asasiah meskipun mereka tidak berakhlak dengan akhlak Islamiah. Justeru Muslimin hari ini yang serba serbinya ketinggalan jauh ke belakang tidak pedu memperokaikan sunnah Allah ini yang selamanya tidak akan berubah, sebaliknya penksalah din sendiri dengan hati yang terbuka!

FASAL DUA

TINGKATAN AKHLAK ISLAMIAH

la mempunyai empat tingkatan iaitu Iman, Islam, Takwa dan Ehsan. Semuanya tersusun secara tertib di mana perkara kedua akan hanya terhasil daripada perkara pertama dan begitulah seterusnya. Selagi mana tingkat pertama ini belum lagi man tap, maka adalah mustahil untuk dibina tingkat kedua, ketiga dan seterusnya. Kalaupun ada, maka ia adalah binaan yang rapuh dan tidak kukuh. Kalaulah I man itu difahami secara sempit dan terbatas, maka Islam, Takwa dan Ehsanpun akan menjadi sempit. Lebih malang apabila ada yang berpandangan bahawa ketakwaan mereka akan sampai ke darjat yang tinggi dengan hanya memperbaiki penampiian berpakaian mereka, cara duduk mereka, berdin, makan, minum dan sebagainya. Kemudian dapat pula meraih darjat ehsan yang tinggi dengan hanya meiakukan beberapa amalan sunat. Akan tetapi bila dinilai iman dan Islam meraka ternyata masih terlalu rapuh. Selagi mana kesilapan seperti ini berlaku, maka harapan untuk mencapai kejayaan dalam menyempumakan akhlak Islamiah akan gagal.

1. Iman

Merupakan asas kehidupan Islam. Ia adalah akuan terhadap tauhid dan juga Risalah. Bila kedua-duanya itu ditenma, maka sempurnahh syarat untuk melayakkan seseorang itu sebagai Mukmin. Persoalannya apakah akuan seperti ini memadai untuk dijadikan asas bagi membina kehidupan Islam seterusnya membtna tingkatan lainnya? Atau iman yang bagaimanakah dapat mem bin a kehidupan Islam yang kukuh? Kehidupan Islam yang sempuma hanya dapat dibina apabila iman itu benar-benar syumul dan man tap. Sebagai contoh keimanan kepada Allah. Semakin sempit persepsi mereka, maka semakin terbatas acuan kehidupan Islam sert.i .ikhlak mereka. Malah kadangkala berlaku pertentangan sehingga mereka sanggup mencampuradukan antara ketaatan kepada Allah dengan ketaatan kepada taghut ataupun mencampuradukan antara jahiliyah dengan Islam sehingga membenruk saru acuan baru bagi melempiaskan segala keinginan mereka!
Di sudut kemantapannya pula berbeza mengikut manusia; ada yang kedekur untuk menyumbang sesuatu ke arah memartabatkan lagi agamanya walaupun dia mengaku beriman. Malah ada yang memberi kecintaan kepada yang selain dan Allah. Pendek kata kehidupan Islam itu tidak akan sempuma tanpa sokongan iqrar (akuan) tauhid yang syumul

Iman kepada Allah	Meyakini bahawa dinnya dan segala yang dipunyai adalah hak Allah; Dialah pemilik mutlak dunia dan seisinya. KepadaNya diletakkan sepenuh ubudiah dan ketaatan. Engkar kepadaNya, berpaling dan hidayahNya ataupun menyengutukanNya dengan sesuatu yang lain adalah kesesatan yang nyata. Walanya bulat kepada Allah. Sementara cintanva pula rulus hanya kepada Allah lebih dan yang lain. Pendek kata dirinya tidak akan redha melainkan dengan apa yang diredhai oleh Allah. Hanya iman yang benar-benar syumul ini sahajalah yang mampu untuk membina tingkatan takwa dan Ehsan. Apakah kekurangan aspek iman itu boleh ditampung dengan hanya berjanggut, merubah cara berpakaian, sentiasa bertasbih ataupun melakukan amalan sunat?
Iman Kepada Rasul	Tidak akan sempuma melainkan benar-benar yakin bahawa Rasul itu adalah pemimpin dan pembimbing dan idola dalam segenap kehidupan. Tunduk patuh dengan segala ajarannya dan menolak segala yang bercanggah dengannya.
Iman kepada Kitab	Tidak akan sempuma kalau hao masih ada keraguan teihadap al Quran sebagai asas kepada kehidupan. Atau hati tidak ada rasa bersalah jika mengambil selain dan ajaran al Quran sebagai sistem yang mengatur kehidupannya.
Iman kepada Akhirat	Tidak akan sempuma jika jiwa masih berat untuk mmberi keutamaan kepada akhirat serta nilai-nilainva berbanding dengan kehidupan dunia

2. Islam

Merupakan binaan kedua akhlak Islamiah. Dan hubungannya dengan Iman adalah umpama benih dengan pokok; di mana pokok akan mengikut apa yang ada pada benih. Sebarang kekurangan pada benih akan memben kesan kepada pokok yang bakal rumbuh. Malah pokok itu sendiri tidak akan tumbuh jika ia udak ditanam ataupun ditanam pada tanah yang gersang dan tidak subur. Begitulah juga dengan iman. Apabtla ada iman, maka sudah tentu ia akan terserlah pada segala tindak tanduk manusia. Jika didapati ada kekurangan atau kecacatan (bercanggahan dengan Islam) pada mana-mana tindak-tanduknya itu, maka ketahuilah ada kecatatan pada Imannya. Kalaupun ada, ia hanyalah iman yang malap.
Di dalam Al Quran dijelaskan betapa intimnya hubungan antara iman (kepercayaan) dan Islam (amal). Bahkan ganjaran pahala pun hanya dijanjikan untuk hambaNya yang benar-benar beriman dan melakukan amalan soleh. Selagi ketundukan seseorang itu masih tidak sempuma dan usahanya hanya tertumpu kepada yang bukan fi Sabilillah, maka ketahuilah bahawa imannya masih lemah dan agak mustahil untuk membina takwa dan ehsan sekalipun kita cuba mengabui dengan beberapa perlakuan atau cara berpakaian.

3. Takwa

Ia adalah perasaan yang lahir dan rasa takut dan tunduk kepada Allah yang tercerna dalam setiap perilaku manusia. Hatinya sentiasa digenangi rasa takut kepada Allah dan tunduk kepadaNya. Dia menyedari bahawa kehidupan di dunia adalah ujian baginya. Apabila hidupnya diasaskan kepada perasaan-perasaan ini, maka nilai keagamaannya akan semakin terserlah, hatinya akan sentiasa tersentak seuap kali

menyanggahi kehendak Allah dan yang lebih utama dirinya akan sentiasa dimuhasabah. Tidak sekadar itu malah dirinya akan sentiasa berwaspada dan segala perkara yang syubhat apatah lagi yang nyata haramnya. Dia akan sentiasa memaksa dunnya supaya menunaikan arahan dan kewajipan Allah dengan penuh kerelaan. Malah jiwanya sentiasa dibayangi rasa takut yang amat sangat kepada Allah sehingga membuatkan kakinya seolah-olah gementar kerana takut kalau-kalau menyanggahi had batasan syara. Bayangkan bentuk kehidupan yang bakal terhasil apabila kesemua nilai ini menguasai kehidupan. Berbeza dengan takwa pada sesetengah orang yang hanya menganggapnya sebagai perlakuan tertentu yang kadangkala agak dibuat-buat Dalam masa yang sama kehidupan mereka, cara berfikir, bekerja dan kesungguhan mereka itu tidak sepadan dengan tuntutan iman yang asas apatah lagi untuk mencapai martabat takwa yang sebenar. Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Nabi Isa as yang bermaksud: *“Wabai pemimpin buta yang tercekik dtangan nyamuk tetapi dapat menelan seekor unta.*"

Berikut ialah contoh yang menggambarkan perbandingan antara dua jenis takwa yang ada pada dua penbadi:

Takwa Sebenar	Takwa Yang Dibuat-Buat
Penbadi pertama adalah seorang yang sangat memenangkan kebersihan. Dirinya mempunyai atarasa yang tinggi dalam soal kesucian. Jiwanya benbkan kekotoran walau dalam apa sahaja bentuknya. Dia seboleh-bolehnya mahu mencapai tahap yang tinggi dalam soal kebersihan walaupun dia rasa dia tidak akan mampu	Penbadi kedua pula ddak mempunyai sebarang perasaan terhadap kebersihan. Apa yang dimiliki hanyalah sejumlah senarai mengenai jenis-jenis kekotoran yang diambilnya dari sana sini. Setiap kekotoran yang tercatit itu akan dijauhi bersungguh-sungguh, akan tetapi dia sendiri bergelumang dengan kekotoran yang tiada tercatat di dalam senarainya yang ternyata jauh lebih dahsyat. Semuanya itu dengan hanya satu alasan iaitu kerana kekotoran itu tidak tersenarai!
Pokok kayu	Pokok plastik, nampak cantik tetapi ia adalah tiruan.

Apa yang cuba digambarkan di atas itu adalah aspek teori. Berikut adalah contoh praktikal yang kerap berlaku.

Seseorang yang cuba menzahirkan ciri warak dan ketakwaannya dengan cara berlebihan dalam memberi perhatian kepada aspek furu’ syara' (cabang) sehingga tergamak unruk menghukum sebagai fasiq orang lain yang tidak cukup panjang janggutnya ataupun menakut-nakutkan balasan neraka sesiapa yang memakai kain melebihi paras buku lali Dalam sesetengah keadaan mereka sanggup menuduh orang yang berpandangan lain dari mazhab fekah mereka itu sebagai terkeluar dan agama. Sedangkan di dalam aspek yang lain, temyata mereka terlalu mengabaikannya. Bahkan tergamak mereka unruk menjadikan kehidupan Muslimin seluruhnva itu berteraskan rukhsoh dan juga Masoleh as Siasiyah. Tidak setakat itu sahaja malah mereka turut mencipta berbagai helah unruk melepaskan diri dari tanggungtawab menegakkan agama. Usaha mereka lebih tertumpu kepada merancang strategi untuk *‘hidup secara Islam’* di bawah

penguasaan ststem Jahiliyah. Merekalah vang telah meyakinkan seluruh umat bahawa walaupun sistem Jahiliyah menguasai dunia, narnun mereka masih dapat untuk "*hidup beragama*" meskipun dalam ruang Iingkup yang sempit Mereka bukan sahaja tidak ingin menunaikan tuntutan agamanya, malah menghalang jika ada sesiapa yang menyeru agar kembali kepada hakikat agama yang sebenanr.

Jangan pula disalah anggap bahawa saya memperkecil-kecilkan sunnah yang berkait dengan adab sehanan ataupun etika berpakaian. Apa yang ingin saya tekankan ialah bahawa inti utama ialah hakikat takwa dan bukannya apa yang zahir semata-mata

4. Ehsan

Merupakan tingkatan tertinggi daiam Islam. Ia adalah suatu keadaan yang menjadikan seseorang itu menyerah sepenuh hidupnya untuk Islam; hatinya sentiasa berhubungan dengan Allah, cintanya sangat mendalam kepada Rasul jiwanya diselubungi rasa jujur dan sentiasa ingin berkorban. Jika takwa lahir dan perasaan takut kepada Allah seterusnya menjadi pendorong kepada manusia untuk sentiasa menjauhi murkaNya. maka ehsan pula lahir dari rasa cinta kepadaNya sehingga mampu mendorongnya untuk sentiasa memburu RedhaNya

Takwa	Ehsan
Umpama seorang kakitangan kerajaan yang melaksanakan tanggungjawabnya dengan bersungguh-sungguh Dia juga patuh dengan segala polisi perkhidmatan yang digariskan oleh kerajaan. Pendek kata dia adalah seorang yang menurut piawaian skema.	Umpama seorang kakitangan kerajaan yang ridak hanya bersungguh-sungguh melaksanakan tanggurngjawabnya atau patuh dengan segala polisi perkhidmatan yang digariskan oleh kerajaan$_t$ malah dia juga seorang yang amanah serta ikhlas dengan majikannya. Otaknya sentiasa ligat memikirkan cara bagaimana unruk meningkatkan prestasi perkhidmatan dan juga majikannya Jiwanya tidak akan tenteram bila melihat ada sesuatu yang mengancam keselamatan majikannya. Dia sendin sanggup melakukan apa sahaja walau dengan darah sekalipun. Impiannya hanya satu iaitu ingin terus melihat kecemerlangan kepada majikannya. Pendek kata dia buat sesuatu yang menjangkaui apa yang digariskan oleh piawaian skema.

Rajah VI: Beza Antara Takwa Dan Ehsan

Contoh Salah Faham Mengenai Perkara Ini Dan Cara Menjawabnya

Seperkara yang menguasai pemikiran kebanyakan Muslimin hari ini ialah menganggap perkara cabang itu jauh lebih penting seolah-olah ia adalah perkara pokok dalam agama. Sebab itulah penting untuk kita merenung apakah sebenarnya tujuan Allah mengutuskan para Nabi ke dunia. Apakah agaknya kekurangan atau kerosakan yang ada di dunia sehingga perlu diutuskan para Rasul? Apakah kerana manusia memotong janggut-janggut mereka sehingga perlu diutuskan para Rasul bagi menyeru manusia supaya jangan memotongnya! Atau apakah kerena manusia

memakai kain-kain melepasi buku lali sehingga perlu diutuskan para Rasul unruk menghalang mereka berbuat begitu! Bukankah ini sudah memadai untuk kita menginsafi bahawa perutusan para Rasul itu sebenarnya adalah untuk menghapuskan kemungkaran yang berlaku iaitu penyelewengan manusia dan meletakkan ubudiah sepenuhnya kepada Allah, ketundukan mereka terhadap undang-undang ciptaan manusia serta hilang rasa tanggungjawab terhadap Allah di hari Kiamat Dan perkara inilah yang menjadi punca kepada segala kerosakan manusia.

Tujuan perutusan Para Rasul	Supaya manusia dapat meletakkan sepenuh ubudiahnya kepada Allah di samping menjadikannya lebih bertanggungjawab kepada Allah di hari Kiamat nanti. Ketika itulah akhlak mulianya akan meningkat naik, kehidupan manusia amnya akan tegak di atas usul atau prinsip yang menjamin kesejahteraan dan kebaikan. Jika semua ini berlaku, maka kejahatan atau nilai buruk secara langsung akan terkubur!

Dan inilah juga yang telah disempurnakan oleh baginda SAW selaku Rasul terakhir. Cuma apa yang menarik ialah bagaimana baginda menggunakan pendekatan *tadaruj* (berperingkat) iaitu dimulai dengan memantapkan iman dalam skopnya yang luas sehingga mampu membawa orang yang telah beriman itu tadi ke arah memenuhi segala tuntutan imannya. Dari situlah lahirlah ketaatan secara amali ataupun Islam. Dukun dengan kesucian akhlak iaitu seterusnya kecintaan serta wala' yang mutlak kepada Allah ataupun ehsan.

Peribadi-peribadi tersebut kemudiannya digembeleng secara tersusun oleh baginda SAW untuk menghapuskan sistem Jahiliyah seterusnya menegakkan sistem kehidupan yang bersumberkan dari manhaj Ilahi. Setelah itu barulah baginda SAW membimbing mereka kepada kesempurnaan hidup *muttaqin* dan *muhsinin* terutama yang berkaitan dengan adab serta tatasusila dalam berpakaian, cara makan, duduk, berdiri dan sebagainya. Tadaruj sebeginilah yang paling diredhai oleh Allah.

Antara Dua Perbandingan	
Andainya ada seorang yang benar-benar beriman, bertakwa serta ehsan. Cuma yang kurang hanyalah pada aspek penampilan pakaian atau zahirnya: ● kalupun memberi kesan, ia hanyalah mempengaruhi darjatnya di sisi Allah ● jauh sekali untuk dinafikan ganjaran imannya, takwanya dan juga ehsannya apatah lagi untuk disumbat ke dalam neraka	Andainya ada seorang lain yang cukup mengambil berat penampilah zahir serta adab tatasusilanya. Cuma yang kurang hanyalah pada wala'nya kepada Allah dan juga ghairah terhadap iman. Bagaimanakah kedudukannya di sisi Allah?

Orang yang mempunyai pertimbangan yang sempurnya pastinya dapat menilai yang manakah antara kedua perkara di atas itu lebih layak dan utama untuk diberikan penghormatan di sisi Allah.

Suka diingatkan juga bahawa bukanlah ini bermakna bahawa kita memperlekehkan atau memandang rendah segala yang dinyatakan oleh Sunnah dalam soal meningkatkan mutu penampilan diri. Apa yang dimaksudkan di sini ialah:

- Setiap Muslim hendaklah akur dengan segala arahan Allah dan RasulNya
- Agama Islam menitik beratkan kedua-dua aspek iaitu dalam dan luaran. Walau bagaimanapun aspek dalaman adalah yang lebih utama untuk diberi perhatian. Apatah lagi aspek hiasan luaran itu pastinya akan lahir secara semulajadi apabila aspek dalaman itu benar-benar mantap.

Asas-asas akhlak bagi Harakah Islamiah merupakan sifat-sifat yang menjadi tonggak kewujudan manusia pada aspek akhlak ataupun perilakunya. Ia merangkumi semua sifat-sifat yang diperlukan oleh manusia untuk mencapai kejayaan di dunia. Tidak kira sama ada perjuangannya itu untuk sesuatu matlamat yang hak ataupun sebaliknya. Tidak kira sama ada pendokongnya itu beriman kepada Allah, Hari Kiamat, Wahyu dah juga Risalah Anbiya'. Tidak kira sama ada usahanya itu berasaskan matlamat yang suci ataupun sesuatu yang keji. Sesiapa sahaja yang bersifat dengan sifat-sifat tersebut dan benar-benar menguasainya, nescaya dia pasti akan melihat hasilnya. Dan inilah yang cuba dikupas oleh Maududi di dalam bukunya ini. Semoga ia akan manjadi manfaat untuk semua.

فتية الحق

فتية الحق أنيبوا   والى الله استجيبوا
إن بشأ ن الدين قمنا   جاءنا النصر القريب
أيها الفتيا ن سيروا   كان في الله المسير
بشروا فى الله حتى   يعلم الحال الخطير
من سواكم يا شباب   إن دهت يوما صعاب
أنتم الآمال ترخى   أنتم الأسد الغضاب
أخلصوالله قلبا   واعبدوا الرحمن ربا
كل من وفى بعهد   زاده الرحمن فربا